

## Syor polis dakwa Pengerusi NFCorp dipertikai

**K**UALA LUMPUR: National Feedlot Cooperation Sdn Bhd (NFCorp) mempersoalkan kenyataan polis yang menca-dangkan Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail didakwa atas tuduhan pecah amanah ketika siasatan mengenainya dikatakan belum selesai.

NFCorp yang terkejut dan keliru dengan kenyataan itu menganggap Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan mengeluarkan kenyataan terlalu awal walaupun sebelum itu mengakui siasatan masih dijalankan.

“NFCorp mempersoalkan sikap tidak berhati-hati dan motif kenyataan Syed Ismail kerana ia dilihat cubaan yang tidak adil apabila keputusan lebih awal sebelum kes ini diputuskan Peguam Negara.

“Apakah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil cuba menandingi kuasa Peguam Negara yang juga pihak berkuasa tunggal mengikut perlembagaan untuk menentukan sama ada wujud unsur jenayah atau tidak untuk pendakwaan.

“Ia juga gagal memahami secara dinamik fakta dan aspek perundangan dalam isu NFCorp,” kata syarikat itu dalam kenyataan dikeluarkan atas nasihat peguam, Datuk Seri Sha-fee Abdullah, di sini semalam.